



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

---

**TEKS PERUTUSAN  
YANG BERHORMAT MENTERI PENDIDIKAN**

**BERSEMPENA DENGAN**

**SAMBUTAN HARI GURU  
PERINGKAT KEBANGSAAN KALI KE-55  
TAHUN 2026**

**TEMA HARI GURU: GURU BITARA NADI NEGARA**

**TARIKH:**  
16 MEI 2026

**HARI:**  
SABTU

*Bismillahirrahmanirrahim,*  
*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,*  
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

Yang Berusaha Tuan Pengetua/Guru Besar;  
Yang Dihormati Yang Dipertua PIBG;  
Barisan Guru Penolong Kanan;  
Barisan Guru Kanan Mata Pelajaran;  
Guru-Guru dan murid-murid yang saya hormati.

## **MUKADIMAH**

Guru-guru, murid-murid dan warga sekolah sekalian,

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran hadrat Ilahi kerana hari ini kita sekali lagi diberi kesempatan untuk bersama-sama meraikan **Sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan Kali Ke-55 pada tahun 2026.**

2. Majlis yang dinantikan saban tahun ini dianjurkan khusus buat warga pendidik sebagai simbol penghormatan tertinggi atas curahan ilmu, kasih sayang dan pengorbanan mereka dalam melahirkan generasi pewaris bangsa.
  
3. Dengan penuh rasa hormat dan setinggi-tinggi penghargaan, saya merakamkan ucapan Selamat Hari Guru kepada seluruh warga pendidik di negara ini. Terima kasih, cikgu!

## **GURU BITARA NADI NEGARA**

Guru-guru, murid-murid dan warga sekolah sekalian,

4. Tahun ini ialah tahun yang sangat penting untuk kita melakar semula pembangunan pendidikan negara, khususnya yang terangkum di dalam Rancangan Pendidikan Malaysia 2026-2035, Kurikulum Persekolahan Baharu 2027 dan pastinya agenda-agenda terbesar negara yang sedang dilakar dan dibangunkan.

5. Tema pada tahun ini, “Guru Bitara Nadi Negara” tidak dipilih dengan sewenang-wenangnya, sebaliknya diangkat sebagai salah satu agenda utama negara, khususnya dalam memberikan penegasan yang jelas terhadap hasrat kita untuk terus memartabatkan dan mengangkat peranan guru-guru di negara ini.
6. Guru bitara ini istilahnya adalah untuk melihat bagaimana seorang guru itu menjadi guru bangsa, menjadi guru yang bitara dan boleh melakukan perubahan-perubahan itu berdasarkan keperluan zaman.
7. Gagasan guru bitara ini sebenarnya telah pun dikupas secara mendalam oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri di dalam bukunya, *Rethinking Ourselves*.
8. Buku tersebut merangkumkan dengan bermakna tentang sosok guru-guru bitara. Izinkan saya kongsikan bagaimana guru bitara diungkapkan di dalam buku tersebut pada halaman 209.

9. Dalam penulisan tersebut, YAB Perdana Menteri telah menggariskan beberapa ciri yang amat penting apabila kita bercakap tentang pendidikan dan bagaimana guru bitara berperanan untuk menjayakan agenda-agenda negara.
  
10. Pertama, melakukan reformasi dalam semua bidang pendidikan, "Reform in education at all levels to more generational thinking to ensure the inculcation of knowledge and new technology." Dan inilah antara tumpuan utama negara pada hari ini, termasuk usaha memperkukuh kemahiran kecerdasan buatan (AI) dan sebagainya.
  
11. Reformasi tidak hanya menyentuh tentang keperluan guru untuk melakukan reformasi yang terkait dengan ilmu dan teknologi baharu sahaja, namun turut menekankan "the complete review of the curriculum and pedagogy", maksudnya kurikulum juga harus dilihat sebagai satu reformasi yang sangat penting.

12. Buku ini juga turut menyentuh bagaimana seharusnya anak-anak kita diasuh dan diberikan tumpuan oleh guru untuk dipersiapkan dengan cabaran-cabaran baharu yang disebut sebagai "beyond what we can imagine", yakni cabaran-cabaran yang kita sendiri tidak dapat bayangkan.
13. Dalam masa yang sama, buku ini juga menegaskan keperluan untuk pedagogi diberikan nafas baharu dan mengajar tentang bagaimana "thought provoking learning", iaitu pembelajaran yang merangsang pemikiran ataupun kemahiran berfikir secara kritis, harus menjadi esensi kepada pendidikan.
14. Dan semua ini memerlukan reformasi yang jauh lebih besar, yang digariskan bersifat *inter* (saling bergantung), *multi* (pelbagai) dan *transdiscipline* (*merentas disiplin*).
15. Inilah dia cabaran-cabaran yang kita sambut dalam Kurikulum Persekolahan Baharu 2027 pada ketika ini.

16. Pada halaman yang sama juga, buku ini menjelaskan bahawa kita perlu bergerak ke arah apa yang disebut sebagai *diversify* (*mempelbagaikan*). Kita memerlukan diversiti dalam kemahiran dan perlu membangunkan kemahiran-kemahiran baharu untuk melahirkan generasi yang *versatile*.
17. Ini merupakan satu seruan yang cukup signifikan, lebih-lebih lagi apabila kita berdepan dengan cabaran domestik dan global yang semakin rumit dan tidak tentu, "We have got to teach an appreciation and comprehension of uncertainty and ignorance in a multiple and inersive forms it takes".
18. Dan sebab itu, pendidikan ini harus sentiasa bersedia mendepani perubahan zaman dan pada masa yang sama memastikan pendidikan itu benar-benar membawa makna dalam kehidupan.
19. Atas dasar itu, saya menyeru khususnya kepada rakan-rakan guru untuk memberikan tumpuan penuh terhadap pelaksanaan Rancangan Pendidikan

Malaysia 2026-2035 dan juga Kurikulum Persekolahan Baharu 2027. Kerana inilah ikhtiar besar kita untuk menyahut semua agenda-agenda yang telah pun disebutkan sebentar tadi.

20. Guru juga harus bertindak sebagai *adaptive expert*, maksudnya guru-guru ketika ini perlu menjadi bitara, yang sentiasa memperkukuhkan kepakaran, mempunyai keanjalan dalam mendepani perubahan dan memiliki pertimbangan yang luar biasa atau *exceptional judgement*.

21. Guru juga mesti menguasai *subject area knowledge* dan menjadi pakar pedagogi. Dan ini semua terangkum dalam makna besar yang sedang kita bicarakan pada hari ini, iaitu “Guru Bitara Nadi Negara”.

22. Dengan kepakaran-kepakaran guru yang kita martabatkan ini, negara akan mempunyai satu pasukan guru yang bersedia menghadapi apa sahaja

rempuhan teknologi, apa sahaja rempuhan dunia kerana mereka telah dipersiapkan.

23. Kita juga sedang melihat bagaimana Rancangan Pendidikan Malaysia ini sedang digerakkan dan digelorkan oleh semua Pengarah-pengarah Jabatan Pendidikan Negeri di seluruh negara.

24. Izinkan saya menghabiskan ucapan ini dengan beberapa pesanan buat guru-guru kita. Khususnya apabila melihat bahawa rempuhan-rempuhan yang berlaku ketika ini memerlukan persiapan yang cukup besar daripada guru-guru kita.

25. Ada sebuah buku oleh Profesor Harry Lewis dari Universiti Harvard berjudul *Excellence Without a Soul*, atau kejayaan tanpa jiwa atau tanpa roh.

26. Dan inilah yang dikupas secara panjang lebar oleh profesor tersebut, yang mengingatkan kita bahawa walaupun dalam kelas kita itu ada seribu, sejuta anak yang pandai tetapi jika rohnya tidak diisi dengan sisi-

sisi kemanusiaan, sisi-sisi keinsanan, maka ia akhirnya akan menjadi satu tragedi yang besar dalam bidang pendidikan.

27. Di akhir buku tersebut, Profesor Lewis mengingatkan bahawa jika Harvard tidak mengambil iktibar daripada apa yang sedang berlaku ketika ini, yakni tentang kemunduran dan kejatuhan nilai dan sikap. Begitu juga keruntuhan akhlak, integriti dan sebagainya. Ini bukan sahaja memusnahkan Harvard bahkan akan memusnahkan seluruh tamadun dan seluruh sisi-sisi kemanusiaan.

28. Sebab itu, peringatan oleh Sasterawan Negara, A. Samad Said menerusi puisinya "Obor Hikmah", harus diteliti dan diambil serius oleh para guru.

29. Apabila A. Samad Said mengungkapkan bahawa guru ialah "awan indah terbang indah". Apabila beliau menyebut "guru melimpahkan hujan pada musim gersang, yang menyegarkan benih ilmu berbuah hikmah, ia renjis embun pada tanah bakat, suara

insan ketika manusia lelah, sepi yang syahdu dalam dunia yang resah”.

30. Ini menggambarkan bahawa bebanan guru dan tuntutan kepada guru ini sangat-sangat relevan ketika ini khususnya dalam memastikan persiapan itu bukan sahaja dipandu oleh ilmu tetapi juga persiapan untuk berdepan dengan cabaran masa hadapan.

## **PENUTUP**

Guru-guru, murid-murid dan warga sekolah sekalian,

31. Jasa guru tidak ternilai. Bakti guru sentiasa dikenang dan disanjung sepanjang zaman. Tanpa guru, tiadalah generasi yang mampu menggalas amanah negara dengan yakin dan berilmu.

32. Akhir kata, sebagai guru bitara yang dikasihi, tuan-tuan dan puan-puan diamanahkan untuk membimbing anak bangsa ke arah sebuah negara yang maju, berintegriti dan penuh dengan nilai murni.

33. Semoga setiap usaha dan pengorbanan yang dicurahkan oleh guru kita mendapat keberkatan, dan membawa Malaysia ke puncak kejayaan yang lebih gemilang.

34. Tahun ini, tahun kita! Tahun ini, tahun kita! Tahun ini, tahun kita!

Terima kasih, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**YB Fadhlina Sidek**  
**Menteri Pendidikan**  
**16 Mei 2026**

- Tamat -